

**TEST ACCEPTANCE CRITERIA (TAC), ASSET REPLACEMENT PROGRAM (ARP)  
BAGI KOMPONEN PENGAWASAN KUALITI AIR MARIN DI BAWAH EQMP TAHUN  
2025**

28 JULAI 2025, Tanjung Pengelih, Johor – Seksyen Kawalselia KONSESI dan Program Pengawasan, Bahagian Udara, JAS dengan kerjasama Bahagian Air dan Marin serta JAS Negeri Johor telah menjalankan pengauditan dan penggantian peralatan baharu pengawasan kualiti air marin automatik, manual dan peralatan pengawasan Selat Johor di Stesen CM05J, Jeti Jabatan Laut Malaysia, Tanjung Pengelih, Johor.

TAC ini bertujuan untuk memastikan peralatan baharu yang digantikan di bawah *Asset Replacement Program* memenuhi spesifikasi dan skop yang telah ditetapkan dalam Perjanjian KONSESI bagi Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) antara JAS dan syarikat konsesi Pakar Scieno TW Sdn. Bhd.

Penghasilan data kualiti air marin yang sahih, tepat dan representatif dalam memastikan ekosistem marin dan kegunaan berfaedah terjamin adalah menjadi keutamaan di bawah Program EQMP.

[#NRES](#)

[#JabatanAlamSekitar](#)

[#EQMP](#)

[#alamsekitartanggungjawabbersama](#)





Johor 28 July 2025 at 09:54









